

PECAT JIKA JAD BEBAS

Amaran kepada ahli BN yang mungkin belot

KUALA LUMPUR, Selasa — Anggota-anggota Barisan Nasional (BN) yang bertanding atas tiket bebas menentang calon parti itu di dalam pilihanraya umum 22 April depan, akan dipecat.

Setiausaha Agung BN, Encik Ghaffar Baba memberi amaran, tindakan itu pasti diambil terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira kedudukan mereka demi keutuhan parti.

"Pucuk pimpinan parti tidak akan membiarkan perkara ini seperti yang pernah berlaku di masa lalu di mana terdapat anggota yang bertan-

ding sebagai calon bebas menentang calon Barisan berulang," tegasnya kepada Bernama di sini hari ini. Amaran Encik Ghaffar itu dikira penting untuk menyelamatkan sebarang kemungkinan pecahnya undi penyokong BN dan meyakinkan kemenangan calon BN.

Siapa lebih kuat

Amaran itu juga dikira tepat lebih-lebih lagi di akhir-akhir ini terdapat cakap-cakap mengenai kemungkinan parti-parti komponen BN, iaitu antaranya dari GERAKAN dan MCA meminta kebenaran pucuk pimpinan parti supaya mereka dibenarkan meletakkan calon masing-masing dalam kawasan yang sama "untuk membuktikan adakah yang lebih kuat."

Encik Ghaffar selaku Pengarah Pilihanraya BN, berharap anggota-anggota BN akan terus mengukuhkan perpaduan dan

bekerja keras bagi menjamin kemenangan parti.

Bellau yakin BN di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya kebangsaan kali ini.

"Insyaallah, Barisan Nasional akan mencapai kejayaan dan menobatkan kembali beberapa kerusi yang dirampas darinya dalam pilihanraya umum 1978 dulu," ujarnya.

Encik Ghaffar juga menasihatkan anggota-anggota parti yang menyertai kempen pilihanraya supaya jangan mengulit telatah parti pembangkang.

"Biarkanlah mereka melatah," ujarnya lagi.

Kepada parti-parti yang berlandung pula, beliau berharap mereka akan mematuhi buku "Panduan Calon" supaya pilihanraya itu berjalan dengan berah, aman dan tenteram.

Bellau memberitahu, bilik gerakan BN akan dibuka di tingkat tiga Bangunan UMNO di sini yang akan dikendalikan oleh 50 orang pegawai di situ.

Encik Ghaffar juga meminta BN di semua bahagian pilihanraya dan negeri mengadakan bilik gerakan masing-masing mulai sekarang.

Bellau memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengetuai Badan Pengawas Pilihanraya BN bagi Negeri-negeri Kedah dan Pahang.

Timbalannya, Datuk Musa Hitam pula akan mengetuai badan pengawas untuk Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Bellau berkata, badan pengawas itu ditubuhkan untuk membantu negeri-negeri berkenaan sekiranya menghadapi sebarang kesulitan.

Ia juga akan bertanggungjawab mengenai susunan jentera penanganan, kempen dan lain-lain.



ENCIK GHAFFAR BABA

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2482
No. Penerimaan 226/85